

37 sukarelawan FTK UTHM bantu mangsa banjir di Kampung Batu Badak

SEGAMAT – Mangsa banjir di Kampung Batu Badak, di sini, boleh menarik nafas lega apabila seramai 37 sukarelawan daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bertindak menyalurkan bantuan bencana.

Pengerusi program, Dr Nadirul Ashraf Mat Nayan berkata, dalam program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu, pihaknya berganding bahu membaik pulih kediaman mangsa banjir yang terjejas.

"Program CSR ini terdiri daripada pensyarah, kakitangan dan mahasiswa FKT sendiri dan bertepatan dengan usaha merakyatkan universiti dengan masyarakat yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Di samping itu, kami turut bergotong-royong membersihkan rumah penduduk yang ditenggelami banjir selain memenuhi kemahiran insaniah dalam kalangan staf dan mahasiswa FTK itu sendiri," kataanya kepada *Sinar Harian*.



Para sukarelawan FTK UTHM yang terlibat dalam program CSR banjir di Kampung Batu Badak.

Menurutnya, program seperti ini juga amat penting sebagai platform utama untuk staf FTK membakti kepada masyarakat luar yang terjejas akibat banjir, selain menjadi tunjang pembangunan program khidmat masyarakat di FTK dan UTHM.

Katanya, mereka turut di-

maklumkan Ketua Kampung Gemereh 4, Abdul Manap Munaji, seramai 55 keluarga terjejas dalam bencana itu selain mangsa mengalami kerosakan harta benda.

"Para sukarelawan juga telah memeriksa dan memastikan kelengkapan serta peralatan elektrik

di rumah penduduk berfungsi dengan baik bagi mengelakkan berlakunya litar pintas yang mungkin menyebabkan kerugian yang lebih besar penduduk," katanya.

Sementara itu, Abdul Manap berkata, dia mewakili penduduk kampung melahirkan rasa syukur

dengan bantuan diterima sejak kampung berkenaan dilanda banjir.

"Usaha mereka ini bukan saja ringankan beban mangsa banjir, malah turut baik pulih rumah penduduk. Saya harap program ini dapat beri inspirasi kepada semua," katanya.